

19 JUL 1996

New Zealand-skim

PROGRAM PERTUKARAN BELIA M'SIA-NZ DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Program Pertukaran Belia Malaysia-New Zealand Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia David Taylor berkata hari ini banyak pertanyaan diterima dari rakyat Malaysia mengenai skim itu yang dimulakan tahun ini.

Menyifatkan skim itu sebagai satu "usaha yang menyeronokkan", beliau berkata kebanyakan pertanyaan datang daripada pelajar-pelajar universiti seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak yang mahu butir-butir lanjut mengenai program itu.

Pada temuramah dengan Bernama, Taylor berkata seorang wanita Malaysia berlepas ke New Zealand April lepas di bawah skim itu dan beliau menjangka ramai lagi yang akan ikut serta terutamanya pada musim percutian antara lewat November dan Februari.

Skim itu diperkenalkan melalui satu memorandum persefahaman yang ditandatangani antara Malaysia dan New Zealand pada 26 Mac semasa lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke New Zealand.

Persefahaman itu membolehkan belia Malaysia dan New Zealand berusia antara 18 dan 30 tahun bercuti di negara antara satu dengan lain selama enam bulan sambil bekerja untuk menampung perjalanan mereka.

Di bawah program itu yang diilhamkan Perana Menteri New Zealand Jim Bolger semasa beliau melawat Malaysia pada tahun 1994, sebanyak 100 visa kerja akan dikeluarkan oleh Malaysia dan New Zealand untuk tahun pertama.

Selain dari usia, syarat-syarat lain untuk visa itu ialah pemohon tidak dibenarkan membawa kanak-kanak, dan mempunyai tiket pergi/balik dan wang sekurang-kurangnya NZ\$2,250 dalam bentuk tunai, cek perjalanan atau bank draf untuk menampung kehidupan mereka dalam masa bercuti itu.

Taylor berkata pihaknya sedang berusaha untuk mendapat bantuan Majlis Perniagaan Malaysia-New Zealand untuk membantu mendapatkan kerja kepada rakyat Malaysia yang berminat.

"Dengan cara ini ianya akan menggalakkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia untuk menyertai program ini kerana mereka boleh mendapat kerja dan pada masa yang sama dapat menampung percutian mereka di sana," kata beliau.

Bagaimanapun kata beliau peserta digalakkan mencari kerja dengan sendiri dan pesuruhjaya itu hanya akan memberi panduan dan galakan.

Taylor kurang tahu mengenai sambutan rakyat New Zealand terhadap skim itu tetapi berkata beliau diberitahu terdapat beberapa pertanyaan.

Kata beliau New Zealand mempunyai program yang sama dengan Jepun dan Kanada dan telah menjadi popular.

"Kami berpendapat ini adalah satu peluang yang menyeronokkan untuk mempelajari kebudayaan dan cara hidup dan juga perniagaan antara satu sama lain. Ianya akan memberi faedah kepada kedua-dua negara ... dan sudah tentu peserta akan gembira," kata beliau.

-- BERNAMA

ES WAT AHH